



PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Perak
Aras 5, Mahkamah Syariah Perak,
Jalan Pari Off Jalan Tun Abdul Razak,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

No. Telefon : 05-5018400 (Am)

No. Faks : 05-5018540 (KHS)
05-5018522 (Am)

Ruj. Kami: JKSPk 600-1/2/4 Jld. 2 ()

Tarikh : 9 Muharram 1443H
18 Ogos 2021M

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A.A Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y. Bhg. Tuan Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Tuan/Puan Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Arahan Amalan
Ketua Hakim Syarie Negeri Perak
No. 7 Tahun 2021

Pengecualian Terhadap Pematuhan
Kehendak Tempoh Masa Bagi Kes Mal
Dalam Tempoh Pandemik Covid-19

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A/ Y.A/ Tuan/ Puan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Perak pada 11 Ogos 2021 dan selaras dengan Seksyen 45 Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung Pengecualian Terhadap Pematuhan Kehendak Tempoh Masa Bagi Kes Mal Dalam Tempoh Pandemik Covid-19.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 238 dan seksyen 244 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perak) 2004 berhubung dengan pendaftaran kes, penyampaian dan pemfailan yang melibatkan tempoh masa adalah sebagaimana berikut:-

- a) Mana-mana pihak yang dikehendaki mendaftarkan, memfailkan atau menyampaikan apa-apa kertas kausa atau pliding yang tertakluk kepada tempoh masa yang ditetapkan oleh undang-undang dan Arahan Amalan Mahkamah Syariah yang berkuatkuasa dan tempoh masa tersebut tamat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau Pelan Pemulihan Negara (PPN) atau apa-apa arahan Kerajaan berkaitan kawalan pergerakan, mana-mana pihak tersebut hendaklah memfailkan atau menyampaikan apa-apa kertas kausa atau pliding tersebut dalam tempoh 14 hari dari tarikh arahan Mahkamah.
- b) Arahan ini tertakluk kepada apa-apa arahan operasi Mahkamah Syariah Perak yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- c) Bagi maksud pemakaian arahan amalan ini, pihak-pihak tidak boleh membangkitkan apa-apa bantahan mengenai ketidakpatuhan dari segi tatacara berhubung dengan kehendak pematuhan tempoh masa.

Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai 1 September 2021.



(HJ. AB. RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR P.M.P, A.M.P)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
PERAK DARUL RIDZUAN

s.k:

1. Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
2. Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
3. S.S Mufti Kerajaan Negeri Perak
4. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak
5. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Perak
6. Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Cawangan Negeri Perak
7. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Perak
8. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga
9. Penolong Pengarah Kanan Bahagian Sokongan Keluarga
10. Peguam-Peguam Syarie Negeri Perak